



Sedekad Ke Jubli Emas

**SPP Sepintas
Lalu** 3

**Kolaj Aktiviti & Peristiwa
Sepanjang Tahun 2013** 4 - 5

**Tatau Daerah
Angkat** 8





MENARIK KALI INI

PERUTUSAN Pengerusi

02 Perutusan Daripada Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

PERUTUSAN Setiausaha

02 Perutusan Daripada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

INFO

01 Skim Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan SPP Sepintas Lalu

03 Statistik Pencapaian SPP Bagi Tahun 2013

06 Konsep Tahan Kerja Dalam Perkhidmatan Awam

07

ISTIMEWA

04 Aktiviti dan Peristiwa Sepanjang Tahun 2013

TURUN PADANG

07 Urusan Pengambilan Khas Jawatan Pembantu Makmal Gred C17

08 Tatau Daerah Angkat

TRANSFORMASI

08 Temu Duga Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH41/DH29 Bagi Bidang Dandan dan Rambut Dan Terapi Kecantikan Dan Spa

SPP @ MEDIA

09 Keratan Akhbar

MUKA AKHIR

10 Tips Menghadiri Temu Duga



REDAKSI

BULETIN
SPP

Penasihat

YBhg. Dato' Abu Bakar bin Othman
En. Chin Weng Peng
Tn. Hj. Mohd. Taupik bin Yusof

Ketua Editor

Mohd Azreey Shah bin Abd Aziz

Editor Bersama

Siti Hanani binti Baharom

Grafik

Syearifah binti Shahidan
Siti Aishah binti Haji Sharudin
Mohd Azreey Shah bin Abd Aziz

Jurugambar

Ahmad Nazri bin Mohd Razali

Wartawan

Priyashini a/p Poongavanam
Munaliza Mirawati binti Hashim
Norabidah binti Omar
Mohd Tahir bin Hassan
Rosni bin Abdullah
Suhailah binti Mohd Shahumi

Percetakan / Edaran

Amir Hamzah Fansuri bin Ngaidin

Sila kemukakan komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada sidang redaksi seperti di alamat penerbit yang tertera di bawah. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang redaksi berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

HUBUNGI KAMI



03-8871 7300 (T)
03-8871 7000 (F)



www.spp.gov.my (W)
allbuletin@spp.gov.my (E)



FB.com/pages/Suruhanjaya-perkhidmatan-pelajaran/121787041228662



twitter.com/sppmy



Sedekad Ke Jubli Emas...

DARI jubli delima ke jubli emas, hanya sedekad julatnya. Bukanlah satu tempoh masa yang pendek dan bukan juga satu tempoh yang terlalu panjang.

Dalam sedar tak sedar, empat dekad telah pun mampu kita harungi. Pastinya bukanlah satu permasalahan yang besar buat kita untuk meneruskan 10 tahun lagi dan seterusnya menyambut jubli emas penubuhan SPP. Dalam usia sebegini, wajarlah kita terus mengintrospeksi banyak aspek kerelevanan fungsi dan peranan kita. Ini adalah kerana, selain daripada ekspektasi yang tinggi oleh pelanggan terhadap kematangan dalam setiap tindakan dan keputusan yang kita ambil, transformasi landskap perkhidmatan awam juga menjadi faktor utama. Dalam erti kata yang lain, kita juga perlu responsif dengan perubahan tersebut.

Buletin SPP Edisi Perdana yang berada dalam tangan anda ini diharap dapat menjadi salah satu wacana untuk merakam dan memelihara ingatan keinstitutional (institutional memory) SPP dalam berdepan dengan pelbagai perubahan yang bakal dialami pada tahun-tahun mendatang. Oleh yang demikian, seluruh warga redaksi menjemput anda untuk mengemukakan komen, pandangan dan sumbangan karya bagi dimuatkan ke dalam helaian-helaian Buletin SPP edisi yang seterusnya. Namun, sementara itu, gelintarlah ke halaman-halaman seterusnya edisi kali ini!

Azfeey Aziz

Mohd Azfeey Shah bin Abd Aziz
Editor

SKIM BERSEPADU PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Oleh Ainah binti Mohd Soon

Mulai 1 Januari 2014, Skim Perkhidmatan Pegawai Pendidikan Siswazah (PPPS) dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) digabungkan menjadi skim perkhidmatan bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang merangkumi Kumpulan Pegawai Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Penggabungan ini merupakan susulan daripada peningkatan kelayakan guru ke peringkat ijazah sarjana muda melalui Program Pensiswazahan Guru, kesinambungan perkhidmatan dan penambahbaikan laluan kemajuan kerjaya profesion perguruan. Penggabungan ini berkuat kuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 40 Tahun 2013.

Skim Perkhidmatan PPP

Penggabungan tersebut melibatkan pindaan-pindaan kepada perbekalan skim PPPS dan PPPLD seperti yang berikut:

- (i) Gred jawatan/gred gaji skim perkhidmatan ini adalah gred DG29, DG32, DG34, DG38, DG41/42, DG44, DG48, DG52, DG54;
- (ii) Pemansuhan kelayakan masuk pelbagai (KMP) bidang di peringkat ijazah dan diploma dalam syarat lantikan skim sedia ada;
- (iii) Penambahan syarat kelayakan masuk di peringkat ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah (PhD);
- (iv) Peningkatan pegawai di Kumpulan Pelaksana Gred DG29, DG32, DG34 dan DG38 ke Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) melalui kaedah kenaikan pangkat ke gred DG42 tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan; dan
- (v) Kenaikan pangkat pegawai Gred DG38 tidak lagi dikhususkan kepada Jawatan Guru Besar Cemerlang Sekolah Rendah dan Guru Besar Sekolah Kluster (Sekolah Rendah) sahaja.

(Bersambung di halaman 3)




PERUTUSAN Pengerusi

Assalamualaikum wr. wb. dan Salam 1Malaysia,

TERLEBIH dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas atas kejayaan menerbitkan Buletin SPP Keluaran Perdana ini. Sebagai salah satu daripada pengisian bersempena dengan sambutan ulang tahun penubuhan SPP yang ke-40, sudah semestinya wacana seperti ini diperlukan bagi menguar-uarkan pelbagai aktiviti, peristiwa dan pencapaian yang akan berlaku sepanjang sambutan tersebut. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan Selamat Ulang Tahun Penubuhan Yang Ke-40 kepada seluruh warga SPP, baik yang berada di ibu pejabat mahupun yang berada di cawangan.

Empat dekad yang telah berlalu pastinya telah mematangkan SPP dengan pelbagai pengalaman dalam kemandiriannya sebagai pihak berkuasa melantik di bawah kepimpinan yang terdahulu. Seiring dengan masa, tugas dan peranan kita juga sudah berubah. Kita tidak lagi hanya perlu memastikan kelangsungan fungsi SPP tetapi kita juga perlu menggalas peranan dalam merealisasikan transformasi profesion keguruan sebagai profesion pilihan, di samping turut menjayakan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 sehingga ia menjadi satu realiti. Jika dalam dekad-dekad yang terdahulu kita mampu untuk memenuhi tuntutan pada ketika itu dengan pelbagai kejayaan dan inovasi, maka bukanlah sesuatu yang mustahil untuk kita mengulanginya dalam dekad-dekad yang mendatang. Saya percaya dengan adanya Buletin SPP kini, setiap kejayaan dan pencapaian akan direkodkan dengan kemas dalam lipatan sejarah SPP.

Akhir kata, sekalung penghargaan sekali lagi kepada sidang redaksi dan para penyumbang karya dan artikel sehingga buletin ini berjaya diterbitkan. Syabas dan tahniah kepada semua, semoga inisiatif ini menjadi satu usaha yang berterusan!



DATUK DR. HAILI BIN DOLHAN
Pengerusi SPP



PERUTUSAN Setiausaha

Assalamualaikum wr. wb. dan Salam Transformasi,

PERTAMA sekali, selamat tahun baru 2014! Saya berharap bahawa tidak terlalu terlambat untuk mengucapkannya lebih-lebih lagi pada tahun yang sangat bermakna ini. Tahun 2014 merupakan tahun kita meraikan penubuhan SPP untuk kali yang ke-40. Marilah bersama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana diberikan kesempatan ini untuk bersama-sama menjadi sebahagian daripada peristiwa bersejarah ini.

Menjengah tahun 2014, kita telah membuat pelbagai persediaan dalam aspirasi kita untuk mendayakan SPP dengan transformasi. Kita telah pun menyemak semula visi, misi dan objektif SPP namun apa yang lebih mustahak adalah tindakan untuk menterjemahkannya melalui proses kerja dan pembuatan keputusan-keputusan. Namun untuk menjayakannya kita perlulah bergerak sebagai satu pasukan dan melangkah dalam satu sinergi.

Akhir kata, syabas, tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada barisan Sidang Redaksi atas usaha yang telah dilakukan bagi memastikan terbitnya edisi perdana ini sebagai salah satu pengisian sambutan ulang tahun penubuhan yang ke-40 SPP.



(DATO' ABU BAKAR BIN OTHMAN)
Setiausaha SPP

SPP SEPINTAS LALU

oleh Tuan Haji Mohd. Taupik bin Yusof
Timbalan Setiausaha (Pengurusan)

PENUBUHAN

SURUHANJAYA Perkhidmatan Pelajaran ialah sebuah badan bebas yang ditubuhkan pada 1 Januari 1974 di bawah Perkara 141A(1) Perlembagaan Persekutuan dan bidang kuasanya meliputi Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

FUNGSI SURUHANJAYA

Fungsi SPP ialah untuk melaksanakan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya di bawah Perkara 144(1), Perlembagaan Persekutuan dengan memberi perkhidmatan yang cekap, adil dan saksama bagi membantu negara melahirkan Perkhidmatan Pendidikan amnya dan profesion keguruan khususnya yang bertanggungjawab, berkebolehan dan berdisiplin ke arah pencapaian matlamat Dasar Pembangunan Negara amnya dan Dasar Pendidikan Kebangsaan khususnya.

OBJEKTIF URUS SETIA

Objektif Urus setia SPP ialah menentukan supaya fungsi dan tugas Suruhanjaya, melalui bantuan logistiknya dapat dicapai, sejajar dengan matlamat yang dirancang.

FUNGSI DAN TUGAS

Di bawah Perkara 144(1), Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya adalah bertanggungjawab terhadap pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, pemberian taraf berpecen, kenaikan pangkat, pertukaran perkhidmatan dan kawalan tatatertib ke atas Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang diliputi oleh bidang kuasanya. Kuasa bagi kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib dijalankan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat dan Lembaga Tatatertib yang ditubuhkan di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pendidikan, 1974 (P.U.(A)89), Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan, 1994 (P.U.(A)458/1994).

Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib dengan tujuan menjatuhkan hukuman tangguh kenaikan gaji, turun gaji, turun pangkat atau buang kerja terhadap Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Suruhanjaya juga berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib terhadap keputusan buang kerja yang diputuskan oleh Lembaga Tatatertib Berkenaan ke atas Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan dalam Kumpulan Pelaksana. Suruhanjaya juga sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib terhadap keputusan amaran, denda dan lucut hak gaji yang diputuskan oleh Lembaga Tatatertib berkenaan, ke atas Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Selain daripada itu, Suruhanjaya turut menjalankan tugasnya sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat bagi Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT).

(Bersambung dari halaman 1)

Kaedah Penetapan Gaji Permulaan

Pegawai akan ditawarkan penetapan gaji permulaan di jawatan baharu seperti yang berikut:

- (i) Pada gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
- (ii) Pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
- (iii) Pada gaji permulaan kelayakan ijazah sarjana atau PhD bagi pegawai yang memiliki kelayakan berkenaan jika amaun gaji di gred jawatan asal adalah lebih rendah daripada gaji permulaan kelayakan ijazah sarjana atau PhD.



Perarakan Sambutan Ma'al Hijrah



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang



Pertandingan Futsal



Majlis Angkat Sumpah Setia dan Sumpah Jawatan



Majlis Angkat Sumpah Setia dan Sumpah Jawatan Pengerusi SPP



Perhimpunan Bulanan



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang



Lawatan YB Menteri Datuk Joseph Entulu Anak Belaun Ke SPP



Kursus Keutuhan Jati Diri & Organisasi



Majlis Serahan Tugas Setiausaha Baharu



Mesyuarat Suruhanjaya (Johor Bahru)



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri



Majlis Bacaan Yassin dan Tahil



Persidangan Perkhidmatan Pendidikan (Seremban)



Majlis Makan Malam Kalungan Budi Sanjungan Jasa



Program Penilaian Khas (Kuching)



Ketikan Kad Perakam Waktu Terakhir En. Sulaiman bin Wak



Program Penilaian Khas (Putrajaya)



Program Ceramah Maulidur Rasul



Program Penilaian Khas (Kuching)



Program Penilaian Khas (Kuching)



Program Penilaian Khas (Kota Kinabalu)



Kunjungan Hormat KSN



Taklimat Tentang SPP Sempena Lawatan
YB Datuk Joseph Entulu Anak Belaun



Program Bertemu Pelanggan (Tatau,
Sarawak)



Majlis Makan Malam Kalungan Budi San-
jungan Jasa

AKTIVITI DAN PERISTIWA SEPANJANG TAHUN 2013



Majlis Makan Malam Kalungan Budi San-
jungan Jasa



Majlis Perpisahan En. Sulaiman bin Wak



Program Berbuka Puasa



Program Ceramah Ma'al Hijrah



Program Penilaian Khas (Kuching)



Program Penilaian Khas (Kota Kinabalu)



Pertandingan Bola Jaring

MISI, VISI, OBJEKTIF DAN MOTTO BAHARU SPP

• VISI •

Peneraju
Transformasi Modal
Insan Perkhidmatan
Pendidikan

• MISI •

Melantik dan
Mengekalkan Bakat
Terbaik Dalam
Perkhidmatan
Pendidikan Melalui
Pengurusan
Perkhidmatan Yang
Transformatif

• OBJEKTIF •

Memastikan
Kuasa-kuasa Di
Bawah Perkara 144
(1) Perlembagaan
Persekutuan Dalam
Urusan Pelantikan,
Perkhidmatan,
Tatatertib Dan Naik
Pangkat
Dilaksanakan Dengan
Efisien Dan Efektif

• MOTTO •

Dinamik, Efektif dan
Berintegriti

STATISTIK PENCAPAIAN SPP TAHUN 2013 BAGI URUSAN PELANTIKAN, PERKHIDMATAN DAN TATATERTIB

Urusan Pelantikan	
<i>Bilangan calon dipanggil temu duga bagi pelantikan tetap</i>	
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	28,661
Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi	293
Anggota Kumpulan Pelaksana	4,983
Jumlah	33,937
<i>Bilangan calon dilantik tetap</i>	
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	22,681
Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi	80
Anggota Kumpulan Pelaksana	1,165
Jumlah	23,926
Pelantikan Sementara (PPPT)	69
Pertukaran Pelantikan	25
Pelantikan Secara Kontrak	924
Pertukaran Sementara	440
Peminjaman Pegawai	32
Urusan Perkhidmatan	
Pengesahan dalam Perkhidmatan	5,311
Pelanjutan Tempoh Percubaan	200
Pemberian Taraf Berpencen	23,214
Pengesahan dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen	19,105
Pelanjutan Tempoh Percubaan dan Pengesahan dalam Perkhidmatan	48
Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pengesahan dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen	130
Pemilihan Pencen	22,796
Pemilihan KWSP	771
Penamatan Perkhidmatan	11
Jumlah	73,129
Urusan Tatatertib	
Tindakan Tatatertib (Am)	25
Tindakan Tatatertib (Jenayah)	12
Perintah Tahan Kerja (Peraturan 43)	1
Perintah Tahan Kerja (Peraturan 44)	21
Perintah Gantung Kerja (Peraturan 45)	6
Tidak Hadir Tanpa Cuti dan Tidak Dapat Dikesan (Peraturan 26)	
1. Bilangan Notis Disiarkan dalam Akhbar Harian	4
2. Bilangan Pegawai Melapor Diri Semula	0
3. Bilangan Pewartaan	8
Rayuan Tatatertib (Am dan Jenayah)	131

Sumber: Bahagian Dasar Dan Perancangan (Sehingga 12 Mac 2014)

URUSAN PENGAMBILAN KHAS JAWATAN PEMBANTU MAKMAL GRED C17

oleh Munaliza Mirawati binti Hashim

URUSAN pengambilan khas bagi jawatan Pembantu Makmal Gred C17 telah diadakan pada sepanjang bulan Disember 2013. Calon-calon yang terlibat dalam urusan tersebut adalah penyandang yang sedia ada bagi jawatan Pembantu Am Pejabat Gred N1/N4 yang pernah bertugas di makmal. Seramai 555 orang terlibat dalam urusan tersebut termasuk seramai 281 orang lagi yang merupakan calon secara walk-in. Siri taklimat dan penyemakan dokumen dalam urusan tersebut telah diadakan pada tarikh dan lokasi seperti di Jadual berikut:

Bil.	Negeri	Zon	Lokasi	Tarikh
1	Perlis	Utara	Institut Pendidikan Guru, Kampus Pulau Pinang	11 Disember 2013
2	Kedah			
3	Pulau Pinang			
4	Perak	Perak	Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh, Jalan PPH Hulu Kinta, Perak	12 Disember 2013
5	Wilayah Persekutuan Labuan	Wilayah Persekutuan Labuan	Sekolah Menengah Sains Labuan, Labuan	13 Disember 2013
6	Johor	Selatan	Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, Johor Bahru	19 Disember 2013*
7	Melaka			
8	Negeri Sembilan	Tengah	Auditorium Blok B1, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya	20 Disember 2013
9	Selangor			
10	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur			
11	Wilayah Persekutuan Putrajaya			

*Sesi taklimat dan semakan dokumen di Zon Selatan yang dijadualkan pada 5 Disember 2013 telah dipinda ke 8 Januari 2014 berikutan masalah banjir di Pantai Timur.

INFO

KONSEP TAHAN KERJA

oleh: Priyashini a/p Poongavanam

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM
(KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993

PERATURAN

43

44

KEADAAN

Jika disyaki telah
melakukan kesalahan
atau
pelanggaran tatatertib serius

Prosiding jenayah telah dimulakan
atau
tindakan tatatertib
dengan tujuan buang kerja
atau turun pangkat telah
dimulakan

FAKTOR DIAMBIL KIRA

Berkaitan dengan tugas rasmi
secara langsung
atau
kehadiran akan mengendalakan
siasatan

Berkaitan dengan tugas rasmi
atau
kehadiran mengendalakan
siasatan
atau
mendatangkan keadaan serba salah
kepada Ketua Jabatan

TEMPOH

<2 bulan

Sehingga kes selesai
atau
Budi bicara Suruhanjaya

EMOLUMEN

100%

≥50%

TEMU DUGA PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI GRED DH41/DH29 BAGI BIDANG DANDANAN RAMBUT DAN TERAPI KECANTIKAN DAN SPA

oleh Munaliza Mirawati binti Hashim

PADA 21 – 22 November 2013, telah diadakan urusan temu duga Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) Gred DH41/DH29 bagi bidang dandanan rambut dan terapi kecantikan/SPA. Panel penemu duga tersebut telah dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Abu Bakar bin Othman, Setiausaha SPP. Seramai enam orang calon dandanan



melakukan rawatan asas kulit muka dan solekan kepada model. Setelah selesai penilaian amali, kesemua calon dikehendaki menjalani sesi temu duga bagi tujuan penilaian prestasi calon berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh panel penemu duga.



rambut dan lapan orang calon terapi kecantikan/SPA telah disenarai pendek untuk menghadiri temu duga tersebut. Temu duga yang dijalankan ini telah dibahagikan kepada sesi amali dan sesi lisan.

Semasa sesi amali dandanan rambut, calon dikehendaki melakukan guntingan mengikut arahan soalan dan menggayakan hasil guntingan rambut tersebut. Sesi amali terapi kecantikan dan spa pula memerlukan calon



TURUN PADANG

TATAU DAERAH ANGKAT SPP

oleh Norabidah binti Omar



DALAM usaha untuk mempertingkatkan 'engagement' dan sebagai inisiatif memasyarakatkan perkhidmatan awam khususnya sektor pendidikan di kawasan-kawasan pedalaman, daerah Tatau, Bintulu, Sarawak telah dipilih sebagai daerah pertama untuk dijadikan daerah angkat SPP. Program Mesra Pelanggan (PMP) Bersama YB Datuk Joseph Entulu Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah diadakan pada 8 Disember 2013 bertempat di Dewan Sukan Tatau telah dijadikan sebagai platform bagi tujuan tersebut.

Usaha menjadikan Tatau sebagai daerah angkat merupakan pendekatan turun padang SPP yang bertujuan untuk mengenal pasti isu dan masalah khususnya dalam urusan perkhidmatan yang dihadapi oleh Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) dan masyarakat setempat. Dengan kerjasama daripada Pejabat Pendidikan Daerah Tatau, Tatau akan dijadikan sebagai daerah contoh yang bebas dan bersih daripada isu-isu perkhidmatan selain daripada dipergiatkan aktiviti-aktiviti kesedaran pendidikan serta sosial di sana. Sebuah sekolah akan dipilih dan dijadikan sebagai sekolah angkat SPP bagi tujuan tersebut. Usaha ini akan diperluaskan kelak ke daerah-daerah lain.

'Guru' perlu mohon jawatan

Penempatan secara automatik PPPS Gred DG 41 tidak lagi dilaksanakan

Oleh Erdiehaazuan Ab Wahid
hmkk@mediaprima.com.my

nilai serta temuduga.
"Berhubung perkara ini,

dang media, Muhyiddin berkata, kementerian akan memberi peranan lebih besar kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dalam melaksanakan projek pembangunan sekolah. Katanya, keputusan itu

Harian Metro, 1 Oktober 2013



Dalam ucapan perasmian pada PMP tersebut, YB Datuk Joseph Entulu Belaun merakam penghargaannya terhadap inisiatif SPP itu dan memberikan komitmen untuk bersama-sama menjayakan pelan tindakan yang akan dirangka dan dimuktamadkan kelak. PMP yang telah mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada penduduk setempat itu antara lain turut bertujuan membantu penduduk luar bandar untuk mendapat maklumat terkini berhubung dasar-dasar Kerajaan dan fungsi jabatan. Beberapa jabatan telah turut menyertai program tersebut termasuklah MAMPU dan SPA. Dengan sambutan baik yang diterima, program seumpama ini akan diperluaskan ke kawasan pedalaman yang lain pada masa akan datang.

SPP sasar 10,430 kekosongan guru diisi Januari 2014

Utusan Sarawak, 23 Oktober 2013

Guru: Tawaran hanya kepada graduan terbaik

KOTA KINABALU 30 Sept. - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, tawaran kepada hanya graduan terbaik untuk ditempatkan sebagai guru di sekolah-sekolah merupakan antara usaha meningkatkan taraf pendidikan negara.

Jika sebelum ini lepasan institut pendidikan guru (IPG) dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dijamin lantikan mereka sebagai guru tanpa mengambil kira prestasi, keadaan itu telah diubah bagi memastikan hanya graduan terbaik layak menjadi guru

di sini hari ini. Yang hadir sama, Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman dan Pengarah Pendidikan Negeri, Jame Alip.

Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata, kementerian mengambil perhatian serius mengenai isu pelantikan dan penempatan graduan pendidikan serta ada graduan la-

sekar penempatan secara automatik selepas tamat pengajian tidak lagi dilaksanakan.

"Mulai tahun lalu, semua graduan pendidikan yang berjaya menamatkan pengajian di IPTA dan IPG perlu mengemukakan permohonan jawatan PPPS Gred DG 41 kepada pihak berkuasa melantik tai-

Utusan Malaysia, 1 Oktober 2013



Siswa pendidikan lega dapat tawaran kerja

Berita Harian, 27 Mei 2013

TIPS MENGHADIRI TEMU DUGA



Rancang Perjalanan

Rancang waktu dan mod perjalanan terutamanya jika anda berada jauh dari pusat temu duga.



Pakailah Yang Bersesuaian

Pakailah sebagaimana anda ke pejabat.

Buat Persediaan

Bersesuaian dengan jawatan yang dipohon cari maklumat tentang fungsi, laluan kerjaya, emolumen dan lain-lain.



Tiba Awal

Sekurang-kurangnya satu jam lebih awal.



Sediakan Dokumen

Kumpulkan dan susunkan dokumen yang berkaitan dengan kemas dan teratur.



Tunggu Giliran

Sebaik-baiknya jangan berada berjauhan dengan bilik temu duga yang ditetapkan.

Daftar Awal

Daftarlah sebaik anda tiba di pusat temu duga.



Tukar Mod Bunyi Peranti Elektronik

Bagi mengelakkan ia mengganggu sesi temu duga, tukar mod bunyi telefon atau *tablet* anda kepada mod senyap.



Masuk Segera

Sebaik sahaja giliran anda tiba.



Serahkan Dokumen

Letakkan di hadapan panel atau di tempat yang disediakan.



Berikan Salam Dan Sapaan

Dengan nada yang bersesuaian dan menggunakan gelaran yang betul.



Duduk Sebaik Dipersilakan

Jangan duduk selagi tidak dibenarkan atau diarahkan.



Dengar Soalan Atau Arahan

Jawablah mengikut kehendak soalan.

TERIMA
KASIH

Berterima Kasih

Ucapkan terima kasih dan bersalam sekiranya dibenarkan.



Bersurai Dengan Segera

Pastikan juga tiada barangan peribadi yang tertinggal.

SEMOGA
BERJAYA!